



# *Syarahan* **INAUGURAL**

Oleh

**PROF. DR. HAJI AMAT JUHARI MOAIN**

**Pengarah Pusat Islam  
Universiti Pertanian Malaysia**

LG  
396  
P4  
S981  
no.14

# SEJARAH KEAGUNGAN BAHASA MELAYU

oleh

Amat Juhari Moain Cert. Ed.; Ph.D.

*"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.*

*(Maksud al-Qur'an Surah al-Hujurat: 13).*

## Pendahuluan

Pada masa kini bahasa Melayu adalah salah satu di antara bahasa yang utama di Asia Tenggara kerana ia menjadi bahasa rasmi atau salah satu di antara bahasa-bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi empat buah negara yang merdeka di kawasan ini iaitu Malaysia (Artikel 152, Perlembagaan Malaysia), Indonesia (Pasal 36, UUD 1945), Singapura (Perlembagaan 1965) dan Negara Brunei Darussalam (Perlembagaan 1959). Keempat-empat buah negara ini mempunyai penduduk lebih daripada 200,000,000 orang. Selain itu bahasa Melayu juga masih dituturkan di beberapa buah wilayah lain seperti di Thailand selatan dan tengah, Filipina selatan, Vietnam selatan, Kamboja, Myanmar selatan, Sri Lanka dan di beberapa daerah lain.

## Leluhur Bahasa Melayu

Bahasa Melayu adalah salah satu di antara cabang keturunan daripada keluarga besar bahasa Austronesia. Keluarga bahasa Austronesia tersebar luas di separuh kawasan dunia iaitu dari Republik Malagasi di Afrika Timur di bahagian barat, hingga ke perbatasan timur di Kepulauan Paskah atau Easter Islands di barat negara Chile, dan dari Kepulauan Hawaii di bahagian utara hingga ke New Zealand di bahagian selatan. Menurut Robert Blust (dalam Ross Clark, 1990: 177) keluarga bahasa Austronesia itu terbahagi



kepada empat cabang iaitu *Atayalic*, *Tsouic*, *Paiwanic* dan *Malayo-Polinesia*. Bahasa *Malayo-Polinesia* (Melayu-Polinesia) kemudian terpecah kepada dua cabang yang besar iaitu Bahagian Barat (*Western*) atau Nusantara dan Bahagian Tengah-Timur (*Central-Eastern*). Menurut B. Nothofer (1988: 34; Lihat juga R.A. Blust, 1986), bahagian Barat atau Nusantara terpecah lagi kepada tiga iaitu Nusantara Barat, Chamorro, dan Pala'u. Nusantara Barat terbahagi kepada beberapa kelompok termasuk *Javo-Sumatra-Hesion*. *Javo-Sumatra-Hesion* terbahagi lagi kepada tiga bahagian iaitu *Malayic Hesion*, Sunda dan Jawa. *Malayic Hesion* terpecah lagi kepada empat kelompok bahasa iaitu *Malayan subfamily* (subkeluarga Melayu), Madura, Aceh dan *Lampungic subfamily* (subkeluarga Lampung). Seterusnya *Malayan subfamily* memecah lagi kepada tiga pecahan kecil iaitu Melayu Purba, Minangkabau dan Kerinci. Daripada bahasa Melayu purba ini timbul bahasa-bahasa Melayu zaman kemudian.

### **Periodisasi Sejarah Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu dari zaman purba hingga sekarang ini telah merentasi lima zaman iaitu seperti berikut:

- a. Zaman bahasa Melayu Purba iaitu bahasa Melayu pada zaman prasejarah atau sebelum sejarah.
- b. Zaman bahasa Melayu kuno iaitu yang bermula pada zaman berawalnya sejarah bagi bahasa Melayu yang diagakkan berlaku pada abad kedua Masihi, dan zaman bahasa Melayu kuno ini berterusan sehinggalah ke abad ketiga belas Masihi. Bahasa Melayu Kuno sedikit banyak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa dari India terutamanya bahasa Sanskrit dan juga tulisan-tulisan atau aksara India seperti aksara Pallava dan Devanagari.
- c. Zaman Bahasa Melayu klasik yang bermula pada awal abad keempat belas Masihi dan berakhir kira-kira pada akhir abad kelapan belas Masihi. Dalam zaman ini bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur Islam seperti kata-kata bahasa Arab dan Farsi, tulisan Arab yang kemudian menjadi tulisan Jawi, falsafah, aqidah, agama dan tasawuf Islam.
- d. Bahasa Melayu zaman peralihan yang wujud pada abad kesembilan belas Masihi. Dalam zaman ini unsur-unsur dari luar terutama dari Barat mula banyak masuk ke dalam bahasa Melayu sama ada dari segi kosa kata, aksara, bentuk-bentuk penulisan, alat percetakan, penerbitan-

penerbitan buku, majalah dan akhbar, pemikiran dan pendidikan barat mahupun yang lain-lain.

- e. Zaman Bahasa Melayu moden yang mula lahir pada awal abad kedua puluh hingga sekarang. Dalam zaman ini pengaruh Barat sudah mula mengakar dalam bahasa Melayu. Kosa kata daripada bahasa-bahasa Barat terutamanya Inggeris membanjiri bahasa Melayu khususnya selepas Perang Dunia Kedua dan kosa kata ini kebanyakannya tergolong ke dalam kata-kata istilah dalam bidang sains dan teknologi serta ilmu-ilmu moden yang lain. Sistem pendidikan Barat juga bertapak kuat dalam sistem pendidikan Melayu. Ini termasuk pemikiran dan falsafah Barat, alat-alat dan teknologi barat, sistem pentadbiran barat dan bidang-bidang lain yang bersifat barat yang kuat mempengaruhi bahasa Melayu.

### **Asal-Usul Orang Melayu**

Orang atau bangsa Melayu yang memiliki dan menuturkan bahasa Melayu ini berasal daripada keturunan bangsa Mongoloid, satu rumpun bangsa yang mempunyai ranah aslinya di daerah Yunnan di Barat daya negeri China. Dari sana mereka berpindah arah ke selatan dan tenggara. Dalam sejarah bangsa ini terdapat dua kali gelombang perpindahan yang besar.

Pertama sekali gelombang perpindahan yang bermula pada kira-kira 3000 - 2500 S.M. hingga kira-kira 1500 S.M. Mereka ini terdiri daripada orang-orang Melayu Proto atau *Proto-Malays*. Kumpulan manusia Melayu Proto atau Melayu pertama ini belum begitu tinggi kebudayaannya. Mereka masih di tahap kebudayaan batu lama dan pertengahan. Dan setelah mereka sampai di Asia Tenggara mereka tinggal di tepi-tepi laut dan sungai kerana mudah untuk mencari makanan seperti ikan, pelbagai jenis siput dan binatang-binatang buruan kecil yang lain, umbut dan ubi dan air minum dari sungai atau tasik.

Kedua ialah gelombang perpindahan orang-orang Melayu Deutero atau *Deutero-Malays*, iaitu Melayu kedua yang berlaku pada kira-kira 1500 S.M. dan meningkat pada 300 sebelum Masihi hingga ke zaman 300 T.M. Mereka ini mempunyai kebudayaan yang lebih tinggi iaitu kebudayaan zaman batu baharu, kayu dan logam. Oleh sebab itu mereka telah dapat mengasak orang-orang Melayu Proto sehingga mereka dapat mengambil alih daerah tempat tinggal orang-orang Melayu Proto yang terdapat di tepi-tepi



pernah diduduki dan diperintah oleh orang-orang K'un L'un yang datang dari bahagian selatan termasuk dari Kepulauan Melayu.

Pada zaman kemudian barulah orang-orang Vietnam dan Kamboja menamakan orang-orang dari Kepulauan Melayu sebagai orang Jawa iaitu kata yang berasal daripada nama Asia Tenggara pada zaman Kuno, Javadwipa. Jadi, Jawa bagi mereka merangkumi semua suku bangsa Melayu dan tidak terbatas kepada suku Jawa sahaja. Keadaannya adalah sama seperti orang Arab menamakan orang-orang dari Asia Tenggara - Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Brunei, Thailand dan lain-lain sebagai orang Jawah atau Jawi pada masa kini.

Daripada keterangan di atas jelas menunjukkan bahasa K'un L'un itu tidak lain daripada bangsa atau rumpun Melayu yang terkenal di Asia Tenggara sejak awal Masihi. Nama K'un L'un digunakan kerana pada masa itu belum lahir lagi nama Melayu. Nama Melayu atau sebutan lamanya Malayu baru lahir pada abad kelima atau keenam Masihi. Nama ini pun hanyalah merujuk kepada nama tempat iaitu sungai Malayu, satu cabang sungai Batanghari, di Jambi dan di tempat ini berdirinya kerajaan yang bernama Malayu. Mengikut catatan orang-orang Cina, kerajaan Malayu telah menghantar utusan ke negeri China pada tahun 644/645 T.M. Pada tahun 671 M. seorang sami Buddha berbangsa China yang bernama I-Tsing telah melawat Malayu, tetapi beberapa tahun kemudian iaitu dalam masa perjalanannya pulang dari India untuk balik ke negeri China beliau mendapati bahawa Malayu telah ditakluk oleh kerajaan Sriwijaya yang berpusat di Palembang. Namun pada abad kesebelas iaitu setelah Raja Chola dari India menyerang dan mengalahkan Sriwijaya pada 1017, 1026 dan 1030 (Fachruddin Saudagar, 1992), Kerajaan Malayu bangkit semula iaitu setelah dapat membebaskan dirinya daripada cengkaman penjajahan Sriwijaya. Sungguhpun begitu pada 1275, kerajaan Malayu telah ditakluk oleh Kerajaan Singasari dari Jawa Timur dalam satu ekspedisi mengalahkan Malayu yang disebut dalam prasasti sebagai Pamalayu (Fachruddin Saudagar, 1992). Sebagai tanda kekuasaannya, Raja Singasari telah menghantar sebuah patung yang besar yang bernama Amoghapasa. Pada patung ini terpatat prasasti Amoghapasa yang bertarikh pada 1286 M. dan patung ini ditempatkan di Suwarnabhumi. Raja Malayu kemudian berpindah ke daerah perdalaman sehingga ke daerah Minangkabau. Di tempat baru ini terdapat banyak prasasti berbahasa Melayu seperti prasasti Pagarruyung (1356M.), prasasti

Adityawarman (1347 m.) dan prasasti Bukit Gombak (1347 M.) yang ada menyebut nama *Malayeurpura* yang bermakna Kota atau Negeri Melayu. Kemudian apabila orang-orang dari daerah Melayu ini berpindah ke tempat-tempat lain, mereka dipanggil sebagai orang dari daerah Melayu atau ringkasnya orang Melayu atau Melayu. Penggunaan nama Melayu untuk merujuk kepada suatu nama kelompok bangsa dan bahasa baru mula wujud pada abad kelima belas iaitu setelah berdirinya kerajaan Melayu Melaka.

Mengikut catatan sejarah, bangsa yang sekarang ini disebut sebagai bangsa Melayu telah wujud sejak abad kedua Masihi iaitu bangsa yang mendirikan Kerajaan Melayu Campa yang terletak di Vietnam (Harry Judge, 1991: 67). Dari segi mantik apabila bangsanya bernama Melayu maka bahasanya pun bernama Melayu juga. Ini bermakna bahasa Melayu telah wujud pada zaman awal Empayar Funan iaitu sebuah kerajaan yang wujud di Asia Tenggara pada awal zaman Masihi (Mohd. Dahlan Mansoer, 1979: 49). Di daerah Kepulauan Nusantara terdapat tiga buah kerajaan yang mula-mula wujud iaitu kerajaan Kutai di Kalimantan Timur, kerajaan Tarumanegara di Jawa Barat dan kerajaan Kuntala atau Kantoli (441-563 M.) di pantai timur Sumatera. Kerajaan-kerajaan ini mula wujud pada kira-kira abad keempat dan kelima Masihi. Di bekas kerajaan Kutai iaitu di Muara Kaman terdapat prasasti yang tarikhnya bersamaan 400 T.M. Namun tulisan dan bahasa yang digunakan pada prasasti itu ialah Sanskrit. Sungguhpun begitu rajanya adalah orang Melayu yang telah menggunakan nama daripada pengaruh India iaitu Mulavarman (F.J. Moorhead, 1959: 51). Sedangkan di Jawa Barat iaitu di Kebon Kopi, Bogor ditemukan prasasti yang berbahasa Melayu (F.D.K. Bosch, 1941). Mengikut catatan pada prasasti tersebut, Raja yang memerintah di situ ialah Purnawarman iaitu Raja bagi kerajaan Tarumanegara (F.J. Moorhead, 1959: 52).

Dalam hal prasasti ini, prasasti yang tertua dalam bahasa Melayu (yang telah ditemui setakat ini) ialah prasasti Dong Yen Chau, yang terletak di Teluk Tourane, Vietnam Selatan. Prasasti ini bertarikh pada abad keempat Masihi dan menggunakan bahasa Melayu Kuno Campa (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1992: 22). Pada prasasti ini jelas digunakan perkataan-perkataan Melayu seperti *uran* = orang, *saribu* - seribu, *thun* - tahun, dan *naraka* = neraka. Kata yang akhir ini dipinjam daripada bahasa Sanskrit. Dari keterangan ini jelas bahawa bahasa Melayu telah digunakan di luar daerah induk bahasa Melayu. Prasasti Melayu Kuno tertua yang kedua ialah prasasti



Sajamerta yang bertarikh pada awal abad ketujuh Masihi (Boechari, 1966). Sajamerta ialah nama tempat di pantai utara Jawa Tengah. Selain itu masih banyak lagi prasasti-prasasti berbahasa Melayu yang lain yang terdapat di pulau Jawa seperti yang ditemui di Bukateja (J.G. de Casparis, 1956), Dang Pu Hawang Glis (Brandes, 1913), Manjusyirgraha (Damais, 1963), Sang Hyang Wintang (Brandes, 1913 dan de Casparis, 1950), Gunung Sundoro (Harmurti Kridalaksana, 1991: 6) dan Gandasuli. Dari bukti-bukti sejarah ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah digunakan di Pulau Jawa sejak awal abad ketujuh Masihi. Bahasa Melayu ini digunakan oleh kerajaan Syailendra yang berkuasa di Jawa pada ketika itu. Raja-raja Syailendra ini berasal daripada keturunan raja yang memerintah kerajaan Funan yang telah disebutkan sebelum ini. Dengan kata lain bahasa Melayu telah digunakan dalam pemerintahan kerajaan Syailendra sebagai bahasa rasmi pemerintahan yang terletak di luar daerah induk bahasa Melayu.

Prasasti berbahasa Melayu yang tertua yang ditemui di daerah induk bahasa Melayu sendiri ialah di Kedukan Bukit yang bertarikh pada 605 tahun Syaka atau 683 Masihi. Kemudian diikuti oleh prasasti-prasasti Talang Tuwo (684 M), di Palembang, Karang Berahi (abad ke-7) di Bangko, Jambi Hulu dan Kota Kapur (686 M.) di Pulau Bangka. Zaman terdapatnya prasasti-prasasti di atas ini adalah zaman kerajaan Sriwijaya yang berpusat di Palembang. Sebelum wujud kerajaan Sriwijaya telah ada kerajaan Malayu yang berpusat di Jambi iaitu di Sungai Batanghari sebagaimana yang telah dibahas di atas tadi. Dan sebelum wujud kerajaan Malayu telah ada kerajaan Kantoli atau Kuntala di Sungai Tungkal, dan Kantoli merupakan kerajaan yang tertua di Sumatera, sekurang-kurangnya di Sumatera bahagian timur.

Selain prasasti-prasasti di atas terdapat prasasti Pagarruyung, Sumatera Barat (1356 T.M.), prasasti Adityawarman di Padang Roco (1347 T.M.), dan prasasti Bukit Gombak, Sumatera Barat (1347 T.M.). Dari keterangan-keterangan di atas ini menunjukkan bahawa prasasti-prasasti yang wujud itu terdapat di daerah Jambi Hulu dan Sumatera Barat iaitu kawasan yang sekarang ini di luar daerah induk bahasa Melayu. Prasasti-prasasti lain yang terdapat di daerah induk bahasa Melayu di Sumatera ialah Telaga Batu di Palembang dan prasasti Boom Baru, Palembang (abad ke-7), sedangkan yang di luar daerah induk bahasa Melayu ialah prasasti Batu Basurek, Batu Sangkar, Sumatera Barat, prasasti Kuburajo, Limokaum, Sumatera Barat (1375 T.M.), prasasti Banda Bapahek, Suroaso, Sumatera Barat (1286 T.M.),

prasasti Palas Pasemah, Lampung selatan, prasasti Bungkuk, Lampung selatan, dan prasasti Bawang, Lampung utara (Fachruddin Saudagar, 1992).

Selain itu di daerah Aceh terdapat beberapa prasasti berbahasa Melayu seperti di Minye Tujuh Aceh (1380 M.) (A. Samad Ahmad, 1966: 22-29). Di negara Thailand pula terdapat beberapa prasasti berbahasa Melayu seperti prasasti Ligor, Segenting Kra (775 T.M.), dan prasasti Chaiya, Thailand (1230 T.M.) (Fachruddin Saudagar, 1992).

Di Negara Brunei Darussalam telah ditemui pelbagai prasasti zaman bahasa Melayu Kuno dan Klasik. Di Vietnam pula, iaitu selain prasasti Dong Yen Chau yang telah disebutkan sebelum ini, masih ada lagi prasasti berbahasa Melayu tetapi tarikhnya lebih muda iaitu pada abad ke-9 dan ke-10 Masihi.

Kemudian di Manila Filipina, telah ditemui prasasti berbahasa Melayu pada kepingan tembaga. Prasasti ini bertarikh pada 900 T.M. (J.T. Collins, 1994: 486). Daripada bukti dan keterangan yang diberikan di atas, cukup meyakinkan kita bahawa bahasa Melayu telah luas digunakan dari sejak zaman bahasa Melayu Kuno bukan sahaja dalam daerah induk bahasa Melayu tetapi juga di luarnya seperti di Pulau Jawa, Vietnam, Thailand, Filipina dan juga di daerah-daerah di Sumatera yang di luar dari daerah induk bahasa Melayu. Dengan kata lain bahasa Melayu telah tersebar di daerah yang cukup luas di Asia Tenggara dan ini berlaku sejak pada zaman bahasa Melayu kuno lagi.

Dalam zaman bahasa Melayu klasik dan zaman peralihan lebih luas lagi penggunaan bahasa Melayu. Sebagai contoh penggunaannya terdapat pada prasasti Terengganu yang bertarikh pada 702 Hijrah bersamaan dengan 1303 Masihi. Pada prasasti ini terdapat banyak pengaruh Islam seperti tulisan Melayu huruf Arab (Jawi), kosa kata Arab dan ajaran serta undang-undang Islam (Syed Muhammad Naguib al-Attas, 1984). Selain prasasti ini masih banyak lagi tulisan berbahasa Melayu klasik dan peralihan yang terdapat di daerah-daerah induk bahasa Melayu dan juga di luarnya. Contohnya prasasti Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan, (872 H./1467 M.), yang menggunakan tulisan Jawi dan Kawi (Jawa Kuno akhir Majapahit), (Abdul Rahman al-Ahmadi, 1992: 32-33), prasasti Minye Tujuh, Aceh (1380 M.) yang menggunakan tulisan Arab dan tulisan Sanskrit, tetapi menggunakan



bahasa Melayu Kuno bercampur bahasa Sanskrit dan Arab (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1992: 28-29), dan Prasasti Loloan, di Pulau Bali yang menggunakan bahasa Melayu bertulisan Jawi (Ahmad Cholid Sadrie, 1985: 107-120). Pelbagai prasasti berbahasa Melayu masih banyak lagi jumlahnya yang ditemui di daerah-daerah induk bahasa Melayu seperti di Brunei Darussalam, Palembang, Jambi, Riau, Siak, Deli-Serdang dan di negeri-negeri Melayu di Tanah Semenanjung termasuk negeri-negeri Melayu yang sekarang ini berada di dalam wilayah Thailand, dan juga di daerah-daerah yang di luar daerah induk bahasa Melayu.

### Manuskrip Melayu

Dari segi manuskrip, terdapat beberapa belas ribu manuskrip Melayu lama terutama manuskrip bahasa Melayu klasik dan zaman peralihan. Di Perpustakaan Negara Malaysia terdapat lebih daripada 1900 naskhah manuskrip Melayu Lama.<sup>(1)</sup> Di luar Malaysia masih banyak lagi tersimpan khazanah manuskrip Melayu lama terutamanya di negara-negara Barat seperti United Kingdom, Belanda, Jerman, Perancis, Sepanyol, Portugis, Amerika Syarikat dan Rusia.

Daripada manuskrip-manuskrip ini kita dapat mengenalpasti bahawa bahasa Melayu telah mencapai ke tahap yang tinggi dan terkenal di kawasan timur amnya dan di Asia Tenggara khususnya. Bahasa Melayu bukan sahaja digunakan di kawasan induk bahasa Melayu tetapi juga merentasi kawasan-kawasan yang di luarnya, bukan sahaja di kalangan orang-orang Melayu tetapi juga di kalangan orang-orang bukan Melayu bahkan banyak kejadian yang berlaku iaitu penggunaan bahasa Melayu di antara orang bukan Melayu dengan orang bukan Melayu.

Sebagai buktinya dijabarkan di bawah ini tulisan-tulisan berbahasa Melayu dan penggunaannya yang dikutip daripada bahan-bahan manuskrip Melayu Lama.

---

<sup>(1)</sup> Maklumat ini diberikan oleh Puan Mariam Tan Sri Abdul Kadir, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Tuan Haji Wan Muhd. Ali Mamat, Ketua Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, pada 21 Jun, 1994.

- a. Manuskrip Melayu yang tertua dalam bentuk surat kiriman bertarikh pada tahun 1521 dan 1522. Terdapat dua pucuk surat. Kesemuanya ditulis oleh Sultan Ternate, Maluku di Indonesia timur kepada Raja Portugal di Eropah Barat (Blagden, C.O. 1930). Ternate ialah sebuah kerajaan yang di luar daerah induk bahasa Melayu, dan orang-orang Ternate mempunyai bahasanya sendiri, sedangkan Raja Portugal adalah orang Portugis yang berbahasa Portugis. Namun dalam surat menyurat di antara mereka bahasa Melayu yang digunakan. Ini menggambarkan kepada kita bahawa bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* pada zaman itu.
- b. Surat Raja Ambon yang bernama Kimelaha Salahak Abdul Kadir kepada Gabenor, Inggeris dan English East India Company atau Syarikat Hindia Timur Inggeris yang bertarikh pada 20 Sya'ban, 1068 H. bersamaan dengan 1658 M. Surat ini ditulis ketika Raja Ambon berada dalam buangan di Makassar (A.T. Gallop and B. Arps, 1991: 38).
- c. Surat daripada Sultan Kaicil Nuku dari Tidore (sebuah kerajaan di Kepulauan Maluku di Indonesia Timur) kepada Gabenor Inggeris di Bengkulu (di pantai barat Sumatera Selatan), bertarikh pada 14 Jamadil-Awal, 1199 bersamaan dengan 25 Mac, 1785 (ibid.).
- d. Surat Emas daripada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan dan Yang Dipertuan Kerajaan Aceh Darussalam kepada Raja Yaakub (King James I) dari England yang bertarikh pada 1615 M (ibid, 1991:35-35) .
- e. Surat daripada Sultan Kaicil Patra Muhammad Yassin dari Kerajaan Ternate (di Kepulauan Maluku) kepada Kolonel J. Oliver, Pesuruhjaya Inggeris di Ambon bertarikh pada 26 Zulhijjah 1216 bersamaan dengan 19 April, 1802 (ibid, 1991: 39).
- f. Surat terbuka daripada Sir Stamford Raffles yang pada ketika itu berada di Melaka, kepada raja-raja besar di Pulau Jawa untuk mendapatkan sokongan daripada raja-raja besar tersebut bagi menentang Belanda di Pulau Jawa yang bertarikh pada 22 Zulkaedah, 1225 bersamaan dengan 8 Januari, 1811 (ibid. 1991 : 40).
- g. Surat kebenaran berniaga oleh Sultan Alauddin Syah, Sultan Aceh Darussalam kepada Captain Harry Middleton, dari English East India Company bertarikh pada tahun 1602 M. (ibid., 1991: 36).
- h. Surat daripada Kapitan Laut Buton, Sulawesi selatan kepada Gebenor Jeneral Belanda di Batavia (Jakarta sekarang) bertarikh pada 1080 Hijrah bersamaan 1670 M. (A. Samad Ahmad, 1958: 67-68).



- i. Surat Perisytiharan Stamford Raffles tentang penguasaan Kerajaan Inggeris terhadap Pulau Jawa, yang diambil alih daripada kerajaan Belanda. Surat perisytiharan ini bertarikh pada 1811 (Op.cit.: 1991: 41).
- j. Surat daripada Pangeran Ratu Jambi kepada Gabenor Jeneral Belanda di Batavia (Jakarta) yang diterima oleh Gabenor Jeneral tersebut pada 30 April, 1669 (A. Samad Ahmad, 1958: 70-73).
- k. Surat daripada Raja Buleleng, Bali kepada Sir Stamford Raffles bertarikh pada 1811.
- l. Surat daripada Raja Bendahara Paduka Seri Maharaja Berunai kepada Kapitan Inggeris di Jambi bertarikh pada 1629 M. (A. Samad Ahmad, 1958: 73-74). Surat Sultan Syarif Kassim dari Pontianak kepada Stamford Raffles bertarikh pada tahun 1811 (A.T. Gallop and B. Arps, 1991: 43).
- n. Surat daripada Sultan Cakra Adiningrat Madura kepada van der Capellen, Gabenor Jeneral Belanda pada tahun 1826 (ibid, 1991: 46).
- o. Surat daripada Datuk Suliwatang, Lingga kepada van der Capellen, Gabenor Jeneral Belanda di Batavia, bertarikh pada 1824.
- p. Surat daripada Gabenor Jeneral Reynier de Klerk, Belanda kepada Sultan Muhammad Baharuddin, Palembang, bertarikh pada 1782.
- q. Surat daripada Sultan Berunai kepada Pemerintah Sepanyol di Manila, Filipina pada tahun 1599 M. (J.T. Collins, 1994: 484).
- r. *Silsilah Banda* yang ditulis oleh Mboibila, isteri Ketua Adat Banda, Indonesia timur pada tahun 1599 Masihi (J.T. Collins, 1994: 484).

Daripada tulisan dan surat-surat di atas - dan masih banyak lagi surat dan tulisan lain yang tidak disebutkan di sini, jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi mempunyai kedudukan yang istimewa di Asia Tenggara pada suatu masa dahulu. Bahasa Melayu bukan sahaja digunakan oleh orang Melayu kepada orang bukan Melayu, tetapi juga oleh orang bukan Melayu kepada orang bukan Melayu termasuk orang-orang Barat seperti King James I, Raja Inggeris, Raja Portugal, Gabenor Jeneral Belanda, pegawai kanan Inggeris seperti Raffles, Pembesar Sepanyol, Raja-raja bukan Melayu yang terdapat di Asia Tenggara seperti Raja Bali, Raja Madura, Raja-raja Jawa, Sultan Aceh, Sultan Ternate dan Tidore, dan lain-lain lagi. Bahkan mengikut Macknight (dalam J.T. Collins, 1994: 488) orang-orang Makassar telah menggunakan bahasa Melayu apabila berhubung dengan penduduk asli Australia utara kerana Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan antara suku-suku peribumi Australia utara sebelum dihalang oleh

kapal-kapal perang Inggeris pada abad yang lalu. Daripada tukikan sejarah ini kita dapat membuat kesimpulan tentang peri pentingnya bahasa Melayu sebagai lingua franca, sebagai bahasa perantaraan untuk hubungan antarabangsa, hubungan diplomatik dan hubungan perdagangan di Asia Tenggara.

### **Bahasa Melayu Untuk Penyebaran Agama**

Bahasa Melayu juga menjadi bahasa para da'i dan mubaligh Islam di Asia Tenggara, iaitu bahasa yang digunakan sebagai wahana mengembangkan ajaran agama Islam dari Aceh hingga ke Maluku dan dari Campa hingga ke Banten, di Jawa Barat. Buktinya ialah lahirnya ulama-ulama besar Islam yang menulis kitab agama yang besar-besar dalam bahasa Melayu seperti kitab *Sabil Al-Muhtadin* oleh Muhammad Arsyad al-Banjari (dari Banjarmasin, Kalimantan Selatan), *Siyar al-Salikin* oleh Abdul Samad al-Falimbani (dari Palembang, Sumatera Selatan), *Furu' al-Masa'il* oleh Muhamad Daud bin Abdullah al-Fatani (dari Patani, Thailand), *Terjemah Tafsir al-Qur'an al-Baydawi* oleh Abdul Rauf Al-Fansuri (dari Aceh, Sumatera Utara), *Sirat al-Mustaqim* oleh Nuruddin al-Raniri (dari Gujerat, India), dan beratus-ratus kitab yang lain. Dalam bidang agama ini bahasa Melayu begitu luas penggunaannya sehingga bahasa Melayu menjadi salah satu di antara lima bahasa utama yang digunakan untuk menyebarkan Islam di dunia ini iaitu selain bahasa-bahasa Arab, Farsi, Turki dan Hindi.

Oleh kerana itu para paderi Kristian sama ada daripada gerakan kumpulan misi mahupun zending telah menggunakan bahasa Melayu untuk mengembangkan ajaran agama Kristian. Banyak bahagian kitab Bible terutamanya bahagian Perjanjian Baru atau *The New Testaments* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu seperti kitab *Kisah Perbuatan Rasul-Rasul* yang diterjemahkan daripada teks kitab *The Acts of the Apostles*.

Penterjemahan Kitab Bible ke dalam bahasa Melayu bermula pada awal kedatangan orang-orang Barat ke Asia Tenggara terutama sekali usaha-usaha yang dilakukan oleh golongan Calvinist Belanda. Terjemahan Bible yang pertama dan lengkap serta diiktiraf telah dilakukan oleh Leydekker yang diterbitkan pada tahun 1731-33 (dalam tulisan rumi) dan 1758 (dalam tulisan Jawi) (A. Teeuw, 1961: 59). Kemudian timbul terjemahan-terjemahan yang lain seperti yang diusahakan oleh Werndly, Drewes, Klinkert, dan



Shellabear. Antara terjemahan-terjemahan Kitab Bible ialah *Kitab Injil, Kabar Baik, Kitab al-Kudus* dan *Alkitab*. Selain itu masih banyak lagi kitab agama Kristian yang dikarang dalam bahasa Melayu seperti *Ceritera Hikayat Isa, Puji-Pujian Yakni Tahlil Yang Dinyanyikan Oleh Orang Masihi, Tamsil Yakni Perbandingan Agama Tuhan Isa al-Masih Dengan Agama Muhammad, Kebangkitan Al-Masih, al-Safar al-Zahid Yakni Peri Ceritera Perjalanan Orang Zahid, Hikayat Budak Yang Bernama Tom* dan lain-lain (Cecil K. Byrd, 1991).

Selain keterangan-keterangan di atas terdapat pelbagai keterangan lain yang menggambarkan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang besar dan terkenal pada zaman silam dan ia telah tersebar luas di Asia Tenggara. Bahkan ia menjadi lingua franca di rantau ini.

Oleh kerana itulah ketika Antonio Pigafetta singgah di Tidore di Indonesia timur (1521) beliau telah mencatat kata-kata bahasa Melayu di sana, iaitu di luar daerah induk bahasa Melayu dan bukan di Melaka atau daerah-daerah induk bahasa Melayu yang lain. Terdapat 426 perkataan Melayu yang dikumpulkan dan diberi erti bagi setiap katanya oleh Pigafetta dalam bahasa Itali (Awang Had Salleh, 1961: 510-525 dan 558-572). Ini bermakna pada ketika itu bahasa Melayu telah luas digunakan di sana. Kemudian apabila St. Francis Xavier datang ke timur, beliau dapati bahasa Melayu sangat luas digunakan dan oleh sebab itu beliau telah mempelajari bahasa ini dan menggunakannya dalam sembahyang dan upacara-upacara keagamaan Kristian yang lain semasa beliau berada di Melaka dan juga di Maluku. Hal yang sama berlaku juga kepada Syeikh Nuruddin al-Raniri yang dilahirkan di Gujerat, India (S. Takdir Alisjahbana, 1976: 30-36). Beliau telah menguasai bahasa Melayu dengan baik semasa beliau masih berada di India lagi. Bahkan ada riwayat yang mengatakan bahawa beliau telah menulis kitab dalam bahasa Melayu sebelum beliau datang berkhidmat di Aceh pada awal abad ke-17. Ini menggambarkan bahawa di Gujerat pada ketika itu telah luas digunakan bahasa Melayu. Begitu juga raja-raja dan anak-anak raja Maluku apabila berkomunikasi dengan Raja Portugal telah menggunakan bahasa Melayu (ibid.).

## Polemik Ilmiah Dalam Bahasa Melayu

Kemudian kita dapat menyaksikan pula satu peristiwa yang sangat penting dalam sejarah bahasa Melayu iaitu polemik ilmiah yang masyhur di Aceh dalam bidang aqidah dan falsafah metafizik Islam antara golongan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dengan golongan Wahdatul Wujud. Dalam polemik ini lahir berpuluh-puluh buah kitab yang ditulis oleh ulama-ulama seperti Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari, Abdul Rauf al-Fansuri dan pengikut-pengikut mereka yang lain. Kitab-kitab ini walaupun sebahagian besarnya menggunakan judul-judul dalam bahasa Arab tetapi kitab-kitab tersebut ditulis dalam bahasa Melayu sepenuhnya. Bahasa Melayu yang digunakan juga sangat tinggi mutunya dengan menggunakan laras bahasa ilmiah dalam bidang aqidah, tasawuf, dan falsafah dengan sifatnya yang sangat kental dan berbobot. Cara berpolemik juga bukan melalui tulisan-tulisan yang ringan seperti di ruangan-ruangan akhbar atau pojok seperti dalam akhbar pada hari ini, tetapi melalui buku atau kitab yang dikarang khas untuknya. Contoh-contoh buku dan kitab yang ditulis dalam zaman ini yang terdiri daripada pelbagai bidang khususnya dalam bidang-bidang aqidah, falsafah metafizik dan tasawuf Islam yang dipolemikkan, antara lain adalah seperti berikut:

- a. Kitab karangan Hamzah Fansuri
  - i. *Syarab al-'Asyiqin*
  - ii. *Asrar al-'Arifin*
  - iii. *Syair Burung Pungguk*
  - iv. *Syair Burung Pingai*
  - v. *Syair Sidang Faqir*
  - vi. *Syair Dagang*
  - vii. *Syair Perahu*, dll.
- b. Kitab karangan Syamsuddin al-Sumatrani
  - i. *Kitab Mir'at al-Mu'minin*
  - ii. *Kitab Mir'at al-Muhaqqiqin*
  - iii. *Kitab Mir'at Al-Iman*
  - iv. *Kitab Fi Dhikr*
  - v. *Kitab al-'Arifin*
  - vi. *Kitab Mir'at al-Qulub*



- c. Kitab karangan Abdul Rauf al-Fansuri
  - i. *Kitab Mir'at al-Tullab*
  - ii. *Kitab Umdat al-Muhtajin*
  - iii. *Kitab Terjemah Tafsir al-Baydawi*
- d. Kitab karangan Nuruddin al-Raniri
  - i. *Bustan al-Salatin*
  - ii. *Sirat al-Mustaqim*
  - iii. *Durrat al-Fara'id*
  - iv. *Asrar al-Insan*
  - v. *Akhbar al-Akhirat fi Ahwal al-Qiamah*
  - vi. *Jawahir al-'Ulum*
  - vii. *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan*
- e. Kitab karangan Bukhari al-Jauhari
  - i. *Taj al-Salatin*

Oleh sebab itu tidak hairanlah kalau Jan Huygen van Linschoten nakhoda Belanda yang banyak belayar di Laut timur ini, menulis bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang paling luas dan paling bermartabat yang digunakan oleh orang-orang di Timur ini. Beliau telah membuat perbandingan bahawa orang-orang yang tidak tahu akan bahasa Melayu di dunia timur pada ketika itu, sama seperti orang Belanda pada zamannya yang tidak mengetahui bahasa Perancis (S. Takdir Alisjahbana, 1976: 33).

### **Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Pelbagai Bidang Ilmu**

Dalam perkembangan-perkembangan selanjutnya bahasa Melayu tetap terus berkembang dan berguna sebagai wahana dan media perhubungan diplomatik, perjanjian persahabatan, pengembangan ilmu, ikatan persetiaan, perdagangan dan lain-lain. Buktinya cukup jelas iaitu bahasa Melayu telah digunakan untuk menulis pelbagai jenis kitab dan buku bukan sahaja yang ditulis dan/atau dicetak di daerah Asia Tenggara tetapi juga di Sri Lanka, Makkah, Mesir dan juga di negara-negara Barat. Buku-buku dan kitab-kitab yang ditulis dan/atau dicetak itu merangkumi bidang-bidang berikut:

- a. Agama Islam : seperti Kitab *Furu' al-Masa'il*, *Sabil al-Muhtadin*, *Sulam al-Muhtadi*, *Sirat al-Mustaqim* dan beratus-ratus yang lain.

- b. Kitab dalam agama Kristian termasuk terjemahan Bible seperti *Kisah Perbuatan Rasul-Rasul*, *Kitab Injil*, *Kitab al-Kudus*, *Kabar Baik* dan lain-lain.
- c. Terjemah al-Qur'an seperti *Terjemah Tafsir al-Baydawi* yang diusahakan oleh Abdul Rauf al-Fansuri pada abad ke-17 M.
- d. Kitab-kitab Tasawuf seperti *Siyar al-Salikin*, *Hidayat al-Salikin: Ilmu Haqiqat*, *Dhikr*, *Tawajjuh*, *Muraqabah*, *Musyahadah*, *Fana fi'Llah* dan *Baqa bi'Llah*.
- e. Buku Undang-Undang seperti *Undang-Undang Laut Melaka*, *Hukum Kanun Melaka*, *Hukum Kanun Pahang*, *Undang-Undang Riau*, *Undang-Undang Johor*, *Undang-Undang Inderagiri*, dan *Undang-Undang Berunai*.
- f. Buku sejarah negara-negara di Asia Tenggara seperti *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Sejarah Bugis*, *Hikayat Ambon*, *Sejarah Melayu*, *Silsilah Raja-Raja Perak*, dan *Silsilah Melayu dan Bugis*.
- g. Sejarah Nabi dan Para Sahabat seperti *Hikayat Nabi Yusuf*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Kisasul Anbia'*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan *Hikayat Raja Khandak*.
- h. Buku Perubatan Melayu seperti *Perdukunan Melayu*, *Mujarabat*, *Kitab Tib*, dan *Kitab Ilmu Tabib*.
- i. Buku panduan dan nasihat bagi Raja dan pembesar-pembesar negeri seperti *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*.
- j. Buku Nujum, Tilik Menilik dan Raksi seperti *Bintang Dua Belas*, *Tilik Menilik*, *Petua Menembak*, *Alamat Mimpi*, *Ketika*, *Ketika Rejang*, dan *Taj al-Muluk*.
- k. Buku tentang haiwan seperti *Kitab Ilmu Gajah*, *Kitab Petua Perlaga Lembu*, *Kerbau dan Biri-biri*, *Naskhah Gajah*, *Naskhah Burung Ketitir*, dan *Petua Binatang*.
- l. Buku tentang Keris.
- m. Kitab tentang batu permata seperti *Khasiat Segala Batu Permata* dan *Kitab Batu Permata*.
- n. Kitab tentang petua, azimat dan jampi seperti *Petua Membuat Rumah*, *Petua dan Azimat*, *Jampi Mentera*, dan *Azimat dan Do'a*.
- o. Kitab tentang perkahwinan seperti *Kitab Nikah*, *Kitab Jimak* dan *Jadual 'Idah*.
- p. Kitab Ilmu Bedil seperti *Kitab Peluru Petunang*.
- q. Kitab Fara'id dan ilmu-ilmu pembahagian Harta Pusaka.
- r. Kitab mengenai perniagaan.
- s. Kitab Pada Menyatakan Firasat Segala Manusia.



- t. Buku-buku kesusasteraan seperti *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Pandawa Jaya*, *Hikayat Bakhtiar*, *Hikayat Bayan Budiman* dan beratus-ratus yang lain.
- u. Buku catatan perdagangan keluar masuk dan hasil negara seperti yang terdapat dalam kerajaan Johor-Riau.
- v. Buku Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri seperti *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor* 1895.
- w. Buku-buku tentang ilmu sains dan teknologi yang mula terbit pada abad yang lalu seperti *Kitab Ilmu Kejadian*, *Kitab Ilmu Bumi*, *Urip Waras*, dll. (Ithnin Abdul Jalil dan Mustafa Hj. Darimi, 1991: 287-295). (Sila semak *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas*, 1987, 1990 dan 1993).

### **Majalah dan Akhbar**

Selain buku dan kitab, terbit juga pelbagai akhbar dan majalah. Penggunaan bahasa Melayu untuk penerbitan akhbar dan majalah mula berlaku dalam abad yang lalu. Pada tahun 1821 misalnya terbit majalah Melayu yang pertama iaitu majalah yang berjudul *Bustan Arifin* yang terbit di Melaka. Majalah ini adalah majalah mubaligh Kristian. Ia diusahakan oleh Pendeta Claudius Thomsen, dan Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi adalah salah seorang editornya. Selain majalah *Bustan Arifin* masih banyak lagi majalah yang diterbitkan oleh misi dan zending Kristian seperti majalah *Taman Pungatauan* (1848), *Pungutib Segala Remah Pungatauan* (1852), dan *Cermin Mata* (1859) yang dipimpin oleh Paderi Keasberry (Ahmat Adam, 1992). Kemudian pada tahun 1876 terbit akhbar *Jawi Peranakan* di Singapura yang diusahakan oleh orang-orang India Peranakan. Namun akhbar Melayu yang pertama sebenarnya terbit di luar daerah induk bahasa Melayu iaitu di Surabaya pada tahun 1856 dengan judul *Soerat Kabar Bahasa Malayjoe*. Bahkan akhbar bertulisan Jawi yang pertama juga terbit di luar daerah Asia Tenggara iaitu di Colombo Sri Lanka pada tahun 1869 dengan judul *Alamat Lankapuri* yang dipimpin oleh Ounous Saldin dan kemudian diikuti dengan *Wajah Selong*, sebuah akhbar Melayu yang terbit di Colombo pada 1898. Selain itu masih banyak lagi akhbar dan majalah Melayu yang terbit di luar daerah induk bahasa Melayu seperti contoh-contohnya yang tersebut di bawah ini.

1. *Bintang Oetara*, majalah yang mula terbit pada 5 Feb. 1856 di Rotterdam, Negeri Belanda.
2. *Soerat Chabar Betawie*, yang terbit di Betawi (Jakarta) pada 1858.
3. *Selompret Melajoe*, akhbar yang mula terbit pada 1877 di Semarang, Jawa Tengah.
4. *Bintang Timor*, mingguan yang terbit di Padang Sumatera Barat pada 1865.
5. *Tjehaja Siang: kertas chabar Minahasa* yang terbit di Tondano, Sulawesi Utara pada 1869.
6. *Matahari: Soerat chabar di Macassar* yang terbit pada 1883 di Makassar,
7. *India-Nederland*, mingguan yang terbit di Amsterdam pada 1890.
8. *Penghentar*, majalah yang terbit di Ambon, Maluku selatan pada 1894-1902 (Ahmat Adam, 1992).

### **Percetakan Buku dan Kitab**

Dari segi percetakan buku dan kitab terdapat banyak buku dan kitab yang dicetak di luar dari daerah induk bahasa Melayu. Sebahagian terbitan-terbitan itu dicetak di negeri-negeri penjajah seperti di negeri Belanda dan Inggeris. Namun terdapat banyak juga kitab dan buku bahasa Melayu yang dicetak di tempat-tempat lain. Sebagai ilustrasi di bawah ini diberikan dua contoh kitab bahasa Melayu yang dicetak di beberapa tempat termasuk Asia Barat dan Asia Tenggara.

- a. Kitab *Matla' al-Badrayn* karya Muhammad bin Ismail al-Fatani dicetak di Matbaah al-Miriah, Makkah pada 1315 H. Naskhah kitab ini juga ada yang dicetak di Matbaah Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Auladuhu, Mesir pada 1343 H. Demikian juga terdapat naskhah kitab ini yang dicetak di Pulau Pinang; Singapura; Cirebon, Jawa Barat; Surabaya, Jawa Timur dan lain-lain (Wan Mohd. Saghir Abdullah, 1991: 523).
- b. Kitab *Tuhfat al-Raghibin* karya Muhammad Arsyad al-Banjari, ada yang dicetak di Istanbul, Turki; Matbaah al-Alawiah, Makkah; Matbaah Mustafa di Masir; Matbaah Muhammad Nahdiwa, Bangkok; dan juga di Al-Haramain, Singapura (Wan Mohd. Shaghir bin Abdullah, 1990c).



Keadaan yang sama berlaku pada kitab-kitab yang lain seperti kitab *Sabil al-Muhtadin*, *Furu' al-Masa'il*, *Sirat al-Mustaqim*, *Hidayat al-Salikin* dan kitab-kitab yang lain.

Daripada segala fakta dan bukti yang dipaparkan di atas cukup jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah mencapai ke satu tahap yang tinggi dan luas serta menjadi bahasa perantaraan atau lingua franca di dunia timur, khususnya di Asia Tenggara. Ia juga menjadi bahasa ilmu, bahasa agama, bahasa perhubungan antarabangsa, bahasa diplomatik, bahasa perjanjian dan persetujuan dan bahasa pemerintahan negara. Keunggulan bahasa Melayu bermula pada abad keempat Masihi iaitu dalam zaman bahasa Melayu kuno sehinggalah ke abad kesembilan belas iaitu pada zaman Bahasa Melayu zaman peralihan. Puncak ketenarannya berlaku pada pertengahan abad kelapan belas iaitu dalam zaman bahasa Melayu klasik.

### **Masa Depan Bahasa Melayu**

Bagaimanakah nasib bahasa Melayu pada masa hadapan? Dalam hal ini saya bersangka ria dan optimistik iaitu saya yakin bahawa bahasa Melayu akan terus hidup. Tak akan Melayu hilang di dunia. Pada masa kini pun terdapat banyak bahasa yang sangat sederhana, bahkan ada dialek yang kecil seperti gurem, yang dapat hidup terus, sekalipun ada di antaranya yang tidak mempunyai tradisi tulisan.

Namun masalah yang memperhatinkan kita ialah kedudukan atau taraf bahasa Melayu. Adakah ia akan menjadi bahasa yang unggul, bahasa yang berwibawa dan bahasa yang berkudrat yang akan terus maju dalam zaman yang serba baru ini, yang berubah dengan pesat sesuai dengan perkembangan teknologi dan sarana informasi yang canggih dalam era globalisasi ini. Jawapannya bergantung kepada kita semua dan juga generasi penerus kita. Jika kita dan generasi penerus kita berpendirian yang istiqamah, bersemangat mandiri dan berjiwa merdeka, bahasa Melayu akan tetap terus hidup bahkan semakin membesar menjadi bahasa antarabangsa, bahasa ilmu, dan bahasa yang agung sebagaimana yang pernah berlaku pada zaman silam. Namun jika kita dan generasi penerus kita itu berjiwa kerdil, bertenaga loyo dan berjiwa hamba, bahasa Melayu akan menjadi lemah dan akhirnya punah.

Dalam memajukan dan melestarikan bahasa Melayu, kita boleh

mengambil iktibar daripada peristiwa dalam sejarah, kerana sejarah adalah seperti cermin kereta yang digunakan untuk melihat ke belakang sebagai panduan untuk kita bergerak maju ke hadapan.

Di sini kita ambil dua peristiwa sejarah yang melibatkan para ilmuwan peringkat dunia. Pertama ialah para ulama Islam zaman silam dan yang kedua para cendekiawan Jepun pada zaman moden kini. Jadikanlah mereka ini sebagai peteladan bagi kita. Pada zaman awal Islam, bahasa Arab bukanlah bahasa dunia, demikian juga pada zaman awal Era Meiji pada abad yang lalu, bahasa Jepun bukanlah bahasa ilmu. Tetapi kedua-dua golongan ulama' dan cendekiawan yang datang dari dua budaya dan bahasa yang berlainan dan juga dari zaman yang berlainan ini telah dapat mengangkat bahasanya ke mercu kejayaan yang tinggi. Ini semua berlaku daripada natijah bahawa kedua-dua bahasa tersebut dipupuk dan digembleng melalui proses-proses yang hampir sama. Pada proses peringkat pertama, ilmuwan-ilmuwan dari manca negara dibawa masuk untuk mengajar pelbagai ilmu pengetahuan kepada anak-anak watan. Pada peringkat kedua anak-anak watan dihantar ke manca negara bagi menanggung ilmu pengetahuan yang baru dan kemaskini. Peringkat ketiga mereka menterjemahkan buku-buku ilmu pengetahuan yang telah dikumpulkan ke dalam bahasa ibunda mereka. Peringkat keempat mereka mengajar, menyelidik dan menekuni bidang-bidang mereka masing-masing sehingga dapat menelurkan pelbagai maklumat, penemuan dan terobosan-terobosan baru yang dapat mengangkat darjat ilmu pengetahuan dan teknologi yang bermanfaat kepada umat. Semuanya ini menggunakan bahasa-bahasa tersebut yang mereka pupuk dan gilap. Akhirnya para ilmuwan Islam dapat melahirkan satu tamadun Islam yang maju, agung dan unggul pada zaman yang silam dengan menggunakan bahasa Arab. Dan para cendekiawan Jepun dapat menempa sejarah moden yang gemilang melalui bahasa Jepun, sehingga sekarang ini mereka dapat menguasai paroan yang besar dalam kegiatan keilmuan yang unggul, teknologi yang canggih dan perekonomian dunia yang mantap. Sebahagian proses-proses peningkatan ilmu di atas telah kita tiru untuk negara kita ini seperti pengambilan para cerdik pandai dan ilmuwan dari luar, umpamanya dari Inggeris, Amerika, Kanada, Australia, dan India dan bahkan para guru dan pensyarah Universiti dari Indonesia untuk bertugas di negara kita pada suatu masa dahulu. Kita juga telah menghantar anak-anak bangsa kita yang puluhan ribu jumlahnya keluar negara bagi menanggung ilmu dalam pelbagai bidang di merata tempat di dunia sama ada di barat atau di timur. Mereka ini sebahagiannya telah



pulang dan mengadakan kajian serta mengembangkan ilmunya atau telah berkhidmat dengan jayanya bagi meningkatkan kemampuan negara ini dalam menangani masalah-masalah nasional dan internasional, masalah nirilmu, masalah nikraksara, masalah kemiskinan, masalah kedaifan teknologi dan lain-lain. Ilmuwan kita juga telah dapat membuat penemuan baru dan terobosan baru serta telah menulis pelbagai makalah ilmiah serta melahirkan adikarya untuk disebarkan ke seluruh dunia.

Tetapi di sebalik kejayaan-kejayaan ini ada hal yang asas dan baku yang tidak dilaksanakan secara serius dan jauh sekali daripada yang dapat menuntaskan penyelesaian masalah. Pertama para ilmuwan kita tidak berusaha secara serius membuat penterjemahan karya-karya besar, karya-karya agung dan adikarya dalam pelbagai bidang ilmu ke dalam bahasa Melayu. Bahkan sebaliknya mereka lebih banyak menulis laporan-laporan ilmiah dan hasil-hasil kajian ilmiah mereka dalam bahasa asing sehingga bahasa Melayu kita mengalami kemuflihan buku-buku ilmu pengetahuan dan teknologi yang bermutu. Seterusnya anak-anak bangsa kita yang ekabahasawan menjadi mangsa dalam langkah-langkah yang dijalankan ini. Mereka dinafikan untuk mendapatkan ilmu dan maklumat yang dilahirkan dan dikembangkan dari bumi persada ibu pertiwinya sendiri. Sebaliknya anak-anak bule dari manca negara dengan mudah mendapat segala manfaat dan ilmu yang disebarkan oleh para ilmuwan kita. Inilah ironis dari segala peristiwa yang berlaku dan dilakukan di tanah ibu pertiwi yang tercinta ini.

## Penutup

Akhirul kalam saya ingin mengutarakan dua wawasan orang Melayu tentang mempelajari bahasa. Pertama pengarang *Sulalatus Salatin* yang anonim. Dalam buku karangannya ini yang lebih terkenal dengan judul "Sejarah Melayu" menunjukkan bahawa pengarang ini adalah seorang yang pancabahasawan atau *multilingual*. Terdapat petikan-petikan daripada tujuh atau lapan bahasa yang digunakan dalam buku tersebut. Antaranya ialah bahasa Arab, Farsi, Hindi, Sanskrit dan Jawa. Petikan-petikan daripada bahasa-bahasa tersebut seperti bahasa Arab dan Jawa dapat menggambarkan dengan jelas bahawa pengarang ini benar-benar menguasai bahasa-bahasa tersebut. Pada masa itu bahasa-bahasa yang dikuasai oleh pengarang ini adalah bahasa-bahasa ilmu dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh yang dekat kepada saya ialah bahasa Jawa Kuno. Bahasa ini telah dapat membina

dan menupang sebuah tamadun yang tinggi pada zaman silam sehingga dapat membina pelbagai monumen buatan manusia yang besar-besar termasuk Candi Borobudur, sebuah monumen yang terbesar di hemisfera bahagian selatan dunia atau "the largest man made monument in the Southern Hemisphere". Ia dibina dengan menggunakan teknologi yang tinggi dan canggih pada ketika itu dan pembinaannya diselaraskan dengan gerakan cakrawala dan peredaran bimasakti.

Kedua ialah pengarang Hikayat Hang Tuah yang juga anonim. Hikayat Hang Tuah adalah sebuah epik dalam bahasa Melayu yang terbesar. Di dalamnya termaktub segala cita-cita dan aspirasi bangsa Melayu untuk menjadi bangsa yang agung dan terkenal di seluruh dunia dari paksina ke daksina, Minal Masyriqi ilal Maghribi. Dalam Hikayat Hang Tuah ini diceriterakan bahawa Hang Tuah telah mempelajari 12 bahasa. Setiap bahasa itu dipelajari dengan sungguh-sungguh sehingga mahir dan fasih, kemudian bahasa yang telah dikuasai itu telah digunakan untuk mempelajari pelbagai ilmu yang ada dalam tamadun bahasa tersebut, sehingga akhirnya Hang Tuah menjadi ilmuwan yang agung dan dapat menjelajahi dunia dari Negeri China, hingga ke Negeri Arab dan Rom, dari Majapahit hingga ke Benua Keling atau Kalinga.

Apa yang hendak saya tonjolkan di sini ialah kita semua mestilah mempelajari bahasa Melayu dan pelbagai bahasa lain sebagai alat atau wahana untuk menangguk pelbagai iptek atau ilmu pengetahuan dan teknologi bagi mengejar kemajuan. Dengan kata lain kita mesti menjunjung bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa ilmu, dan mengelek bahasa-bahasa lain - Arab, Jepun, Inggeris, Korea, Mandarin, Jerman dan lain-lain sebagai bahasa ilmu pengetahuan untuk mengisi kemerdekaan, untuk mencapai kecemerlangan dalam hidup, untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dan yang terakhir untuk mendapat keridaan daripada Allah s.w.t.



## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Jumain Abu Samah, 1993a, "Melayu" Sebagai Istilah Yang Merujuk Kepada Nama Bahasa dan Bangsa, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 37, Bil. 2: 100-107.
- Abdullah Jumain Abu Samah, 1993b, "Melayu" Sebagai Istilah Yang Merujuk Kepada Nama Bahasa dan Bangsa (Bahagian Kedua), dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 37, Bil. 3: 196-209.
- Abdul Rahman al-Ahmadi, 1992, "Aksara dan Batu Bersurat Melayu Kuno" dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 1, 1992: 11-41.
- Adelaar, K.A., 1990, More on Proto-Malayic dalam Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain (ed.) *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*, K.L.: DBP.
- Afendras, Evangelos A. dan Eddie C.Y. Kuo (ed.) 1980, *Language and Society in Singapore*, Singapore: Singapore University Press.
- Ahmad Cholid Sodrie, 1985, Prasasti Loloan : Sebuah Data Perkembangan Islam di Kabupaten Jembrana, Bali, dalam *Pesaka*, Jil. III: 107-120.
- Ahmat Adam, 1992, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Bangi: Penerbit UKM.
- Amat Juhari Moain, 1991a. Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 35, Bil. 7: 608-624.
- \_\_\_\_\_ 1991b, Sejarah Tulisan Jawi, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 35, Bil. 11: 1001 - 1012
- \_\_\_\_\_ 1992a, Daerah Penutur Asli Bahasa Melayu, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 36, Bil. 2: 153-161.
- \_\_\_\_\_ 1992b, Perkembangan Penggunaan Tulisan Dalam Bahasa Melayu, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 35, Bil. 11: 1001-1012.

- Amran Halim (ed.) 1983, *Kongres Bahasa Indonesia III*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Asma Ahmat, 1992, Koleksi Manuskrip dan Buku Nadir Melayu di Library of Congress, Amerika Syarikat, dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 1, 1992: 42-49.
- A. Samad Ahmad, 1958, *Sejarah Kesusasteraan Melayu III*, Kuala Lumpur; DBP.
- A. Samad Ahmad, 1960, *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*, K.L.: DBP.
- A.Samad Ahmad, 1966, *Sejarah Kesusasteraan Melayu I*, K.L.: DBP.
- Atmodjo, M.M.S.K., 1992, Kontinuitas Kerajaan Malayu Kuno dan Sriwijaya Serta Temuan Prasasti Boom Baru di Palembang, kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi 7 - 8 Disember, 1992.
- Awang Had Salleh, 1961 (Penterjemah) Perbendaharaan Kata Itali-Melayu Yang Pertama-tama Kali oleh Antonio Pigafetta Karangan Alessandro Bausari, dalam *Dewan Bahasa* 1961, Jil. V, Bil. II dan 12, hlm. 510-525 dan 558-572.
- Bambang Budi Utomo, 1992, Batanghari Riwayatmu Dulu, kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi, 7-8 Disember, 1992.
- Blagden C.O. 1899, The Name "Malayu" dalam *JMBRAS*, Jan, 1899, No. 32.
- Blagden, D.O. 1930 dikutip Harimurti Kridalaksana (ed.), 1991, *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius; dan Abdullah Ajmain Abu Samah, 1993 dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 37, Bil.: 2 dan 3.
- Blust, Robert, 1988, Malay Historical Linguistics: A Progress Report, dalam Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain (ed.) *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*, K.L.: DBP.



- Blust, R.A. dan J.T. Collins, 1986, *Penyusunan Salasilah Bahasa di Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM.
- Boechari, 1966 dikutip Harimurti Kridalaksana et. al. (ed.), 1991, *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Bosch, F.D.K. 1941 dikutip Harimurti Kridalaksana (ed.), 1991, *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius, hlm. 173.
- Brandes, J.L.A., 1913 dikutip Harimurti Kridalaksana (ed.) 1991, *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Byrd, Cecil K., 1991, *Percetakan Awal di Jajahan Selat 1806-1858*, (Terjemahan Mansor Ahmad Saman), Kuala Lumpur: DBP.
- Collins, J.T. 1980, *Ambonese Malay and Creolization Theory*, Kuala Lumpur: DBP.
- Collins, J.T. 1983, *Dialek Melayu Ulu Terengganu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T., 1986, *Antologi Kajian Dialek Melayu*, Kuala Lumpur: DBP.
- Collins, J.T. 1990, *Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Borneo*, K.L.: DBP.
- Collins, J.T. 1994, Bahasa Melayu di Batas Zaman: Renungan Sejarah, Ramalan Arah dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 38, Bil. 6: 484-495.
- Collins, J.T. dan Hans Schmidt, 1992, Bahasa Melayu di Pulau Ternate Maklumat Tahun 1599, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 36, Bil. 4: 292-328.
- Damais, L.C. 1963, dikutip Harimurti Kridalaksana (ed.), 1991, *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.

- de Casparis, 1950, dikutip Harimurti Kridalaksana (ed.) 1991; *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- de Casparis, 1956, dikutip Harimurti Kridalaksana (ed.) 1991, *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- de Casparis, J.G. De, 1992, Kerajaan Malayu dan Adityawarman, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi 7 - 8 Disember, 1992.
- Djohan Hanafiah, 1992, Pulau Berhala, Orang Kaya Itam dan Si Gunjai Suatu Mitos Ideologi dan Politik Jambi, kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi 7 - 8 Disember, 1992.
- Emeis, M.G. 1976, *Bunga Rampai Melayu Kuno*, Kuala Lumpur, DBP.
- Fachruddin Saudagar, 1992, Perkembangan Kerajaan Malayu Kuno di Jambi, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi, 7 -8 Disember, 1992.
- Gallop, A.T. dan Bernard Arps, 1991, *Golden Letters Writing Traditions of Indonesia*, London: The British Library.
- Harimurti Kridalaksana (ed.), 1991, *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Hasan Djafar, 1992, Prasasti-Prasasti Masa Kerajaan Malayu Kuna dan Beberapa Permasalahannya, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi, 7-8 Disember, 1992.
- Hashim Musa, 1992a, Sistem Tulisan dan Sejarah Kemunculannya Secara Ringkas, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 36, Bil. 3, 204-218.
- Hashim Musa, 1992b, Skrip Pallava di Kepulauan Melayu, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 36, Bil. 7: 589-614.
- Ismail Dahaman, 1990 a, Sejarah Perkembangan Tulisan Rumi, dalam *Jurnal*



*Dewan Bahasa*, Jil. 34, Bil. 8: 610-631.

Ismail Dahaman 1990 b, Ejaan Rumi Kaedah Belanda-Latin Kamus Melayu-Latin-Melayu (1631), dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 34, Bil. 10: 756-778.

Ismail Hussein, 1973, The Malay Dialects in the Malay Peninsula, dalam *Nusantara*, Jil. 3, hlm.: 69 - 79.

Ithnin Abdul Jalil dan Mustafa Hj. Darimi, 1991 Buku Fizik Yang Pertama Dalam Bahasa Melayu dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 35, Bil. 4: 287-295.

Judge, Harry, 1991, *World History From Earliest Times to 1800*, Vol. 3, Oxford: Oxford University Press.

Kasim Ahmad (Peny.), 1971, *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: DBP.

Lembaga Bahasa Nasional, 1974, *Peta Bahasa-Bahasa di Indonesia*, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

Mc Kinnon, E. Edwards, 1992, Malayu Jambi Interlocal and International Trade: 11th to 13th Centuries, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi 7-8 Disember, 1992.

Mees, C.A. 1967, *Ilmu Perbandingan Bahasa-Bahasa Austronesia* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Mohd. Dahlan Mansoer, 1979, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain, 1988, *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*, Kuala Lumpur: DBP.

Moorhead, F.J. 1959, *A History of Malaya and Her Neighbours Vol. One*, London: Longmans, Green & Co. Ltd.

Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, 1992, Manuskrip Melayu dari Kelantan: Satu Tinjauan Awal, dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 1, 1992: 50-90.

Nothofer, Bernd, 1990, A Discussion of Two Austronesian Subgroups: Proto-Malay and Proto-Malayic, dalam Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain (ed.) *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*, K.L.: DBP.

*Perlembagaan Negara Malaysia*, 1970, Percetakan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia, 1987, *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia, 1990, *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Pertama*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia, 1993, *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Kedua*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Prentice, D.J., 1990, Malay (Indonesian and Malaysian) dalam Bernard Comrie (ed.) *The Major Languages of East and South-East Asia*, London: Routledge.

Prentice, D.J., 1991, Perkembangan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa (Inter)nasional dalam Harimurti Kridalaksana (ed.) *Masa Lampau Bahasa Indonesia: Sebuah Bunga Rampai*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius.

Ross Clark, 1990, Austronesian Languages dalam Bernard Comrie (ed.) *The Major Languages of East and South-East Asia*, London: Routledge.

Saidat Dahlan et. al., 1985, *Pemetaan Bahasa Daerah Riau dan Jambi*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

Sartono, S., 1992, Kerajaan Malayu Kuno Pra-Sriwijaya Di Sumatera, kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi, 7 - 8 Disember, 1992.

*Sejarah Melayu or The Malay Annals*, 1956, (edisi W.G. Shellabear), Singapore:



The Malaya Publishing House Ltd.

Slamet Muljana, 1981, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu.

Soekmono, 1992, Rekonstruksi Sejarah Malayu Kuno Sesuai Tuntutan Arkeologi, kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Sejarah Malayu Kuno*, Jambi, 7 - 8 Disember 1992.

S. Takdir Alisjahbana, 1976, *Language Planning for Modernization; The Case of Indonesian and Malaysian*, Mouton: The Hague-Paris.

*Surat-Surat Perlembagaan Negeri Brunei*, t.t. Simon Marinus Buse, Penchetak Kerajaan bagi Negeri Brunei.

Syed Muhammad Naguib al-Attas, 1984, *The Correct Date of the Terengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.

Teeuw, A., 1961, *A Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia*, S. Gravenhage-Martinus Nijhoff.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1990a, Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Pemikiran Sheikh Nuruddin Ar-Raniri dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 34, Bil. 6: 460-463.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1990 b, Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Kitab Sabil al-Muhtadin oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 34, Bil. 8: 632-639.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1990 c, Mengkaji Gaya Bahasa Dalam Kitab Tuhfah Ar-Raghibin Syeikh Muhammad Arsyad Bin Abdullah Banjar, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 34, Bil. 10: 779 - 786.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1991, Matla'ul Badrain: Kitab Fiqhi Yang Termasyhur di Dunia Melayu oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Al-Fatani, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*: Jil. 35, Bil. 6: 523-534,

Wolters, O.W., 1990, *Kejatuhan Sriwijaya Dalam Sejarah Melayu* (Terjemahan Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khira), Kuala Lumpur: DBP.

## SENARAI SYARAHAN INAUGURAL

- |     |   |                  |
|-----|---|------------------|
| 1.  | Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin<br><i>'The Challenge To Communication Research in Extension'</i>                               | 22 Julai 1989    |
| 2.  | Prof. Ir. Abang Abdullah Abang Ali<br><i>'Indigenous Materials and Technology For Low Cost Housing'</i>                             | 30 Ogos 1990     |
| 3.  | Prof. Dr. Abd. Rahman Razak<br><i>'Plant Parasitic Nematodes, Lesser Known Pests of Agricultural Crops'</i>                         | 30 Januari 1993  |
| 4.  | Prof. Dr. Mohamed Sulaiman<br><i>'Numerical Solution of Ordinary Differential Equations : A Historical Perspective'</i>             | 11 Disember 1993 |
| 5.  | Prof. Dr. Mohd. Ariff Hussein<br><i>'Changing Roles of Agricultural Economics'</i>  | 5 Mac 1994       |
| 6.  | Prof. Mohd. Ismail Sayyed Ahmad<br><i>Marketing Management : Prospects and Challenges for Agriculture'</i>                          | 6 April 1994     |
| 7.  | Prof. Dr. Mohd. Mahyuddin Mohd. Dahan<br><i>The Changing Demand for Livestock Products</i>  | 20 April 1994    |
| 8.  | Prof. Dr. Ruth Kiew<br><i>Plant Taxonomy, Biodiversity and Conservation'</i>  | 11 Mac 1994      |
| 9.  | Prof. Ir. Dr. Mohd. Zohadie Bardaie<br><i>'Engineering Technological Developments Propelling Agriculture Into The 21st Century'</i> | 28 Mei 1994      |
| 10. | Prof. Dr. Shamsuddin Jusop<br><i>'Rock, Mineral and Soil'</i>   | 18 Jun 1994      |
| 11. | Prof. Dr. Salam Abdullah<br><i>'Natural Toxicants Affecting Animal Health and Production'</i>                                       | 29 Jun 1994      |
| 12. | Prof. Dr. Mohd. Yusof Hussein<br><i>'Pest Control : A Challenge In Applied Ecology'</i>   | 9 Julai 1994     |
| 13. | Prof. Dr. Capt. Mohd. Ibrahim Hj. Mohamed<br><i>'Managing Challenges In Fisheries Development Through Science And Technology'</i>   | 23 Julai 1994    |